

KAMPUNG KU

SEJARAH KAMPONG KULAPIS¹

Awang Mohammad Rouhan bin Haji Hassan

Pendahuluan

Kampong Kulapis terletak dalam Mukim Sengkurong,² Daerah Brunei dan Muara. Jauhnya kira-kira 13 batu dari Bandar Seri Begawan dengan menggunakan kenderaan darat. Majoriti penduduk yang tinggal di kampung ini terdiri daripada puak Kedayan. Selain itu terdapat juga puak dan bangsa lain yang menetap di kampung ini. Menurut kenyataan dalam Jadual-jadual Rumusan Banci Penduduk (2001), jumlah penduduk Kampong Kulapis ialah seramai 1,166 orang (lelaki dan perempuan) dan jumlah rumah pula sebanyak 156 buah.³ Kebanyakan penduduk yang menetap di kampung ini beragama Islam. Manakala puak Kedayan yang menetap di kampung ini ialah seramai 516 orang (lelaki dan perempuan).⁴

Puak Kedayan atau lebih dikenali di Brunei dengan panggilan ‘orang darat’ adalah merupakan salah satu daripada tujuh puak yang terdapat di Negara Brunei Darussalam selain puak Melayu Brunei, puak Melayu Tutong,

¹ Rencana ini telah diubahsuai mengikut kehendak dan keperluan penerbitan Pusat Sejarah Brunei. Sejarah Kampong Kulapis ini diperolehi daripada wawancara yang dilakukan oleh Jasmin binti Jumat dengan Dayang Hajah Norsah binti Apong bertempat di No. 8, Kampong Kulapis, BG2521 pada 13 Jun 2005. (Rujukan: Rakaman wawancara penyelidikan sejarah puak Kedayan Daerah Brunei dan Muara, PS/PY/SL/0925/05).

² Mukim Sengkurong mengandungi tiga belas buah kampung iaitu Kampong Sengkurong ‘A’, Kampong Sengkurong ‘B’, Kampong Pasai, Kampong Tagap, Kampong Selayun, Kampong Sungai Tampoi, Kampong Mulaut, Kampong Tanjung Nangka, Kampong Kulapis, Kampong Katimahar, Kampong Lugu, Kampong Jerudong dan Kampong Bukit Bunga.

³ Jadual-jadual Rumusan Banci Penduduk, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Bandar Seri Begawan, 2001, h. 15.

⁴ Adanan Haji Ibrahim, ‘Ke arah Pembangunan Kampung,’ *Titian*, Bil.3, Julai-Sept.1990, h.7.

puak Melayu Belait, Dusun, Murut dan Bisaya.⁵ Menurut *Kamus Bahasa Melayu Nusantara Brunei*, Kedayan diertikan sebagai ‘pengiring raja’. Bagaimanapun dari segi etimologi, perkataan Kedayan itu berasal daripada perkataan ‘Kadai’ yang bermaksud ‘Berdagang’. Namun bagi menyesuaikan penyebutannya, perkataan ‘Kadai’ itu telah menghadapi penambahan yang menjadikan ia sebagai ‘Kadai-an’.

Asal Usul Kampung

Pada mulanya Kampong Kulapis ini merupakan sebuah perkampungan kecil. Bagaimanapun, ia telah dicantumkan dengan Kampong Damuan. Kampong Damuan ialah pengkalan ulu sungai Damuan yang menjadi tempat persinggahan pengalu-pengalu yang ingin berdagang dengan orang-orang darat. Nama Kampong Kulapis ini adalah diambil sempena nama sebatang kayu iaitu kayu Kulapis.⁶

Ketua Kampung

Ketua Kampung merupakan orang yang penting atau kepala dalam menguruskan hal-hewal dan kebajikan sesebuah kampung. Ketua Kampung di Kampong Kulapis ini lazimnya dipilih oleh penduduk kampung sendiri dengan melihat beberapa kriteria seperti kuat, gagah dan bukan dilihat daripada keturunannya. Bagaimanapun pada ketika ini, jawatan Ketua Kampung dipilih secara pilihan raya yang dikendalikan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara. Antara orang yang pernah dilantik menjadi Ketua Kampong Kulapis ialah Awang Haji Aspar bin Langgar, Awang Haji Puasa bin Mohammad, Awang Haji Hussin bin Orang Kaya Jumat dan Awang Haji Nayan bin Apong. Jawatan Ketua Kampung ini kemudiannya dipegang oleh Awang Haji Timur bin Limbang hingga sekarang.

Antara tugas-tugas Ketua Kampung pada masa ini ialah mengagihkan bayaran pencek kepada orang-orang tua, balu-balu dan menghadiri mesyuarat Ketua-Ketua Kampung pada setiap hari Rabu dan Sabtu. Selain itu, Ketua Kampung juga berperanan untuk memeduli hal-hewal kampung dan anak buah kampung. Malah Ketua Kampung juga berperanan untuk menyatupadukan

⁵ ‘Undang-undang No. E4 Tahun 1961’, *Surat-surat Perlembagaan Negeri Brunei*, Jabatan Peguam Negara, Bandar Seri Begawan, h. 119.

⁶ Wawancara yang dilakukan oleh Dayang Jasmin binti Jumat dengan Dayang Hajah Norsah binti Apong bertempat di No. 8 Kg. Kulapis pada 13hb Jun 2005.

seluruh anak buah dan penduduk di bawah tanggungjawabnya. Bahkan ia bertanggungjawab mengadakan permesyuaratan dan permuafakatan bersama dengan anak buah kampung bagi membincangkan kebaikan kampung dan memenuhi keperluan seluruh penduduk kampung tersebut.

Kini pihak Kerajaan mengendalikan perlantikan jawatan Ketua Kampung dengan mengadakan sistem pengundian yang mana semua penduduk kampung yang berusia 12 tahun ke atas perlu hadir pada hari pengundian Ketua Kampung bagi memilih sesiapa yang mereka fikirkan layak dan sesuai untuk menjawat jawatan tersebut.

Sumber Pendapatan dan Pekerjaan

Antara sumber pendapatan penduduk Kampong Kulapis ialah bercucuk tanam atau berkebun, memotong getah, menggetah burung dan sebagainya. Selain itu, menanam padi juga merupakan sumber pendapatan utama dan amalan tradisi yang terus diamalkan sebagai salah satu cara menyara kehidupan. Lazimnya mereka menanam padi sekali dalam setahun, tidak kiralah padi paya atau padi tugal (berpadi di atas bukit). Kedua-dua cara berpadi itu agak berbeza sekali dalam konsep melaksanakannya, demikian juga dengan hasil tanaman padi yang diperolehi dari kedua-dua cara penanaman padi tersebut.⁷ Pada zaman dahulu hasil daripada berpadi atau berkebun ini tidak akan dijual akan tetapi ditukar dengan barang yang lain dengan pengalu (sistem *barter trade*) dan sebahagiannya untuk kegunaan sendiri.

Kemudahan Prasarana

Kini Kerajaan sudah banyak menyediakan berbagai kemudahan. Antara kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi kegunaan penduduk Kampong Kulapis ialah sekolah, jalan raya, kemudahan elektrik dan paip air dari rumah ke rumah.

Menurut informan, keadaan ini adalah amat berbeza sekali jika dibandingkan dengan masa dahulu, ketika itu Kampong Kulapis tidak memiliki sekolah. Mereka cuma belajar mengaji daripada orang-orang tua secara percuma. Penduduk kampung ini dikatakan hanya pergi mengikuti

sekolah setelah zaman pemerintahan Resident. Meskipun bangunan sekolah sudah dibina, akan tetapi ia hanya dibukakan untuk pelajar lelaki sahaja.

Begitu juga halnya dengan kemudahan jalan raya. Sebelum ada jalan raya penduduk Kampong Kulapis hanya berjalan kaki dengan menggunakan tempat laluan kecil atau ‘salok-salok kerbau’ di dalam hutan sahaja sebagai jalan penghubung.

Manakala sumber air pula diperolehi dari sungai yang kemudiannya disimpan ke dalam perigi yang dibina sendiri. Telaga atau perigi ini lazimnya dibina berjauhan dari rumah mereka. Oleh yang demikian, air yang diambil itu hendaklah diangkat atau disahan⁸ dengan menggunakan tumpong.⁹ Telaga tersebut dibina oleh kaum lelaki atau si suami. Begitu juga halnya dengan perkhidmatan elektrik. Oleh kerana tiada kemudahan elektrik, maka pada masa itu mereka cuma menggunakan lampu minyak tanah sebagai alat penyuloh atau penerang pada malam hari.

Kesimpulan

Jelaslah di sini bahawa dalam memenuhi segala keperluan penduduk di negara ini, Kerajaan sentiasa berusaha menyediakan berbagai kemudahan infrastruktur seperti membina bangunan-bangunan sekolah, institusi-institusi pendidikan dan sebagainya. Di samping itu kerajaan juga amat menitikberatkan bidang pendidikan dalam apa jua projek pembangunan yang dijalankan. Ini kerana pendidikan adalah sesuatu keperluan yang sangat penting di dalam mengharungi arus modenisasi yang semakin berkembang sejajar dengan peredaran zaman.

⁷ Metassim Haji Jibah (peny), *Warisan Budaya Brunei*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, 1998, h. 155-156.

⁸ Mengangkat barang di atas bahu, memikul.

⁹ Bekas daripada buluh untuk membawa air.

Bibliografi

Adanan Haji Ibrahim, ‘Ke arah Pembangunan Kampung’, *Titian*, Julai-September 1990, Bilangan 3.

Jadual-jadual Rumusan Banci Penduduk, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Bandar Seri Begawan, 2001.

Kamus bahasa melayu Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, 1991.

Kamus Banasa Melayu Nusantara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, 2003.

Matassim Haji Jibah (penyelenggara), *Warisan Budaya Brunei*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, 1998.

Wawancara Dayang Jasmin Binti Jumat dengan Dayang Hajah Norsah Binti Apong mengenai ‘Sejarah Puak Kedayan di Daerah Brunei dan Muara’, bertempat di No. 8 Kampong Kulapis BG2521 pada 13hb Jun 2005,

‘Undang-undang No. E4 Tahun 1961’, *Surat-surat Perlembagaan Negeri Brunei*, Jabatan Peguam Negara, Bandar Seri Begawan, 1961.